

Minggu 5

Hari 1

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #16)</p> <p>Renungan Hari Ini Jenis orang apakah yang saya jangkau? Orang yang akui mereka sakit dan berdosa mungkin yang paling bersedia untuk mendengar berita kita.</p>	<p>Baca: Luk. 5: 27-32 & 6: 12-16; Mat. 12: 1-13 Matius dipanggil supaya mengikuti Yesus: Luk. 5: 27-32</p> <p>1. Lewi, atau Matius seperti yang dikenali dalam Injil-injil yang lain, merupakan seorang pengumpul cukai. Dia dianggap sebagai pembelot kerana dia berbangsa Yahudi namun dia mengumpul cukai bagi pihak Roma. Apakah tindak balas Lewi bila Yesus memanggilnya untuk mengikutinya?</p> <p>2. Yesus mengatakan Dia datang untuk menolong siapa?</p> <p>Memilih dua belas rasul: Luk. 6: 12-16</p> <p>3. Apa yang dibuat oleh Yesus sebelum memilih dua belas murid atau rasulNya?</p> <p>4. Apa yang sudah pun anda pelajari tentang mereka? (Nota: Secara adat, Bartolomeus di sini dikatakan adalah Nataniel.) Apakah yang dapat dikatakan mengenai Tuhan berdasarkan pilihan Yesus?</p> <p>Yesus, Tuhan atas Sabat: Mat. 12: 1-8</p> <p>5. Menurut Taurat, Sabat adalah hari rehat. Orang Farisi mempunyai banyak peraturan ketat tentang apa yang dimaksudkan sebagai kerja. Mereka menganggap memetik bulir gandum sama seperti menuai dan “menggosok bulir-bulir gandum” sama seperti memukul atau membanting. Menurut mereka, murid-murid Yesus bekerja dan apa yang mereka lakukan adalah salah di sisi hukum. Berdasarkan pemikiran mereka, menurut Yesus siapa lagi yang harus dihakimi sebagai melanggar hukum?</p> <p>6. Apa yang dimaksudkan oleh Yesus bila Dia memetik firman Tuhan, “Aku menghendaki belas kasihan, bukan korban binatang?”</p> <p>7. Menurut Yesus, siapa yang berkuasa atas hari Sabat?</p> <p>Menyembuhkan pada hari Sabat: Mat. 12: 9-13</p> <p>8. Yesus diketahui akan menyembuhkan sesiapa yang datang kepadanya. Oleh kerana orang-orang Farisi menganggap menyembuhkan adalah pekerjaan, mereka mahu menggunakan kes ini untuk memerangkap Yesus. Apakah sebab yang Yesus berikan untuk menyembuhkan orang yang tangannya lumpuh sebelah pada hari Sabat?</p> <p>9. Bagaimana orang itu disembuhkan?</p> <p>10. Apakah tindak balas orang-orang Farisi?</p>
--	--

Minggu 5 Hari 2

Nota:

Ini mengakhiri tahun pertama pelayanan Yesus. Orang-orang Farisi semakin iri hati akan Yesus dan mula menentangNya.

Baca: Yoh. 5: 1-47**Penyembuhan di Kolam Betesda: Yoh. 5: 1-14**

1. Kolam Betesda dikelilingi orang buta, tempang dan lumpuh. Ada adat mengatakan bahawa ketika airnya berkocak, orang yang pertama menyentuh air itu akan disembuhkan. Yesus menghampiri seseorang di situ. Apakah Yesus tanya pada orang tersebut?
2. Orang itu menjawab bahawa dia tidak mempunyai sesiapa untuk membantu menurunkannya ke dalam kolam. Yesus pula tidak mengatakan Dia akan membawanya. Sebaliknya apa yang dilakukan oleh Yesus?
3. Apakah tindak balas orang-orang Yahudi terhadap mukjizat penyembuhan ini?
4. Bila Yesus menemui lelaki itu kemudian, Yesus memberitahu dia bagaimana mengekalkan penyembuhan itu. Apakah yang dikatakan oleh Yesus?

Peranan Yesus sebagai Anak TUHAN: Yoh. 5: 16-30

5. Orang-orang Yahudi mempunyai dua sebab untuk membunuh Yesus. Apakah sebab-sebab itu?
6. Menurut Yesus, Anak TUHAN akan melakukan apa?
7. Tugas siapakah untuk menghakimi?
8. Apa yang harus dilakukan untuk mendapatkan kehidupan kekal?
9. Yesus mendakwa terdapat tiga lagi yang akan bersaksi untukNya. Siapa atau apakah tiga kesaksian ini?

Kesaksian tentang Yesus: Yoh. 5: 31-47

10. Yesus mengatakan bahawa Nabi Musa akan mendakwa orang-orang Yahudi. Taurat telah ditulis oleh Nabi Musa. Maka, menurut Yesus Taurat sendirilah yang mendakwa mereka kerana mereka tidak dipercayai Taurat. Oleh itu, mereka juga tidak dapat dipercayai apa?

Renungan Hari Ini

Adakah saya begitu dipercayai tradisi manusia sehingga saya tidak dapat menikmati mukjizat daripada Tuhan?

Minggu 5 Hari 3

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #17)</p> <p>Renungan Hari Ini Saya mahu mengetahui betapa Tuhan mengambil berat tentang diri saya supaya saya bersedia melakukan apa sahaja yang dimintaNya.</p>	<p>Baca: Mat. 10: 1-42 Yesus mengutus dua belas orang rasulNya: Mat. 10: 1-16</p> <p>1. Apakah yang Yesus beri kepada rasul-rasulNya bila Dia mengutus mereka keluar?</p> <p>2. Apakah tiga perkara yang Yesus beritahu mereka? Kepada siapa harus mereka pergi? Apa yang harus mereka lakukan? Apa yang harus mereka ambil?</p> <p>3. Bagaimanakah mereka tahu di mana mereka harus tinggal?</p> <p>4. Apakah maksud Yesus dalam ayat 16 tentang domba, serigala, ular dan burung merpati?</p> <p>Penganiayaan akan datang: Mat. 10: 17-22</p> <p>5. Jenis penganiayaan yang sebagaimana mungkin mereka hadapi?</p> <p>Penghiburan ketika dianiayai: Mat. 10: 19-20, 26, 28-31</p> <p>6. Apakah tiga perkara yang Yesus katakan jangan dikhuatiri atau ditakuti?</p> <p>7. Apakah kata-kata Yesus yang menjadi penghiburan besar bagi mereka?</p> <p>Pengorbanan pemuridan: Mat. 10: 32-39</p> <p>8. Berapa pentingkah bagi kita untuk mengakui Kristus di hadapan manusia?</p> <p>9. Di manakah kos pemuridan paling dirasai?</p> <p>Pahala untuk orang yang menyambut pengikut-pengikut Yesus: Mat. 10: 40-42</p> <p>10. Apakah yang dijanjikan kepada mereka yang menerima pengikut-pengikut Yesus?</p>
--	---

Minggu 5 Hari 4

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #18)</p> <p>Renungan Hari Ini Saya mahu menerima kata-kata Yesus dengan kerendahan dan kerelaan hati seorang kanak-kanak.</p>	<p>Baca: Mat. 11: 20-30; Luk. 7: 36-50 & 8: 1-3 Yesus mengutuk ketidakpercayaan: Mat. 11: 20-24</p> <ol style="list-style-type: none">1. Apa yang sudah terjadi di kota-kota Korazin, Betsaida dan Kapernaum?2. Apa yang gagal dilakukan oleh penduduk kota-kota tersebut?3. Menurut Yesus, mengapa kota-kota ini akan dihakimi dengan lebih teruk berbanding dengan Tirus, Sidon dan Sodom? <p>Mereka yang percaya: Mat. 11: 25-30</p> <ol style="list-style-type: none">4. Rahsia-rahsia Tuhan tersembunyi daripada siapa?5. Kepada siapakah TUHAN Bapa akan menyatakan rahsia-rahsiaNya?6. Siapa yang mengenali TUHAN Bapa?7. Apakah syarat-syarat untuk rehat? <p>Yesus diurapi orang berdosa: Luk. 7: 36-50</p> <ol style="list-style-type: none">8. Orang-orang Farisi berpendapat Yesus bukan seorang nabi yang baik kerana Dia tidak menjauhi perempuan berdosa tersebut. Apa yang dikatakan oleh Yesus tentang tindakan perempuan itu membasuh dan mengeringkan kaki serta mengurapi Yesus?9. Dalam ayat 50, menurut Yesus, apa yang telah menyelamatkan perempuan berdosa itu? <p>Pelayanan Yesus mengelilingi kota-kota: Luk. 8: 1-3</p> <ol style="list-style-type: none">10. Siapa yang melayani bersama Yesus?
---	---

Minggu 5 Hari 5

Nota:

Orang-orang Farisi memutuskan bahawa mukjizat-mukjizat yang dilakukan oleh Yesus berasal daripada setan. Dengan pendirian demikian, mereka menolak segala yang diajar oleh Yesus. Akhirnya mereka menuntut Dia disalib. Ini merupakan titik perubahan besar dalam pelayanan Yesus.

(Lihat kajian tambahan, tajuk #19 & 20)

Renungan Hari Ini

Apa yang saya sedang fikirkan? Apa yang sedang saya simpan dalam hati saya?

Baca: Mat. 12: 22-50

Yesus, berasal daripada TUHAN atau Iblis?: Mat. 12: 22-37

1. Mukjizat apa yang sudah dilakukan oleh Yesus?
2. Setelah menyaksikan mukjizat itu, orang-orang Farisi berpendapat mereka tahu dari mana asalnya kuasa Yesus. Menurut mereka, siapakah yang memberi Yesus kuasa untuk menghalau roh-roh jahat?
3. Menurut Yesus, jika Dia menghalau roh-roh jahat melalui kuasa Roh TUHAN, apakah yang sudah datang kepada mereka?
4. Penghinaan apakah, menurut Yesus, tidak akan diampuni?
5. Menurut Yesus, apakah sumber asal ucapan kita?

Tanda Yunus: Mat. 12: 38-45

6. Orang-orang Farisi dan guru-guru Taurat mahu Yesus melakukan apa?
7. Menurut Yesus, tanda apakah yang akan mereka lihat?
8. Apa yang dilakukan oleh orang Ninewe yang tidak dilakukan oleh generasi Yesus?
9. Apa yang dibuat oleh Ratu dari selatan (ratu dari Syeba)?

Ibu dan saudara-saudara Yesus: Mat. 12: 46-50

10. Menurut Yesus, siapakah ibu dan saudara-saudaraNya?

jawapan: minggu 5

Hari 1

1. Lewi dengan segera bangkit meninggalkan segalanya dan mengikuti Yesus. Dia begitu gembira sehingga dia mengadakan jamuan besar bagi Yesus di rumahnya.
2. Yesus berkata Dia datang untuk memanggil orang yang berdosa supaya mereka bertaubat.
3. Yesus bermalam di kawasan bukit dan berdoa kepada TUHAN sebelum memilih dua belas orang rasulNya.
4. Simon Petrus dan Andreas adiknya adalah penangkap ikan. Yakobus dan Yohanes juga adik-beradik dan merupakan rakan setugas Simon. Filipus dan Nataniel atau Bartolomeus merupakan dua orang yang mengikuti Yesus sejak awal pelayanannya. Nataniel kagum bahawa Yesus mengetahui di mana dan apa yang sedang dilakukan sebelum Filipus menemuinya. Matusi pula, seorang pemungut cukai mengikuti Yesus sebaik sahaja dia dipanggil. Nampaknya TUHAN minat memanggil orang dari berbagai kerjaya dan ragam hidup.
5. Orang-orang Farisi terpaksa menjawab bahawa Raja Daud dan imam-imam yang melayani pada hari Sabat itulah yang turut melanggar Hukum.
6. TUHAN lebih mementingkan niat manusia. Dia lebih berkenan jika kita berbelas kasihan terhadap orang lain daripada berkorban besar secara legalistik.
7. Dia berkata, "Anak Manusia berkuasa atas hari Sabat."
8. Menurut Yesus berbuat baik tentu tidak melanggar hukum. Maka Yesus boleh menyembuhkan orang itu.
9. Yesus menyuruh orang itu menghulurkan tangannya. Bila tangannya dihulurkan, ia menjadi baik seperti tangan yang sebelah lagi.
10. Orang-orang Farisi begitu marah dengan Yesus kerana menyembuhkan orang itu. Mereka berpakat untuk memusnahkannya.

Hari 2

1. Yesus bertanya lelaki itu jika dia mahu sembuh kembali.
2. Yesus menyuruh orang itu bangkit, ambil tikarnya dan berjalan.
3. Orang-orang Yahudi memberitahu orang itu bahawa Taurat tidak membenarkannya mengangkat tikar pada hari Sabat.
4. Yesus memberi amaran supaya berhenti berdosa agar hal yang lebih buruk tidak terjadi kepadanya.
5. Orang-orang Yahudi mahu membunuh Yesus kerana Dia melanggar hukum Hari Sabat dan juga kerana Dia memanggil TUHAN, BapaNya.
6. Yesus mengadakan Anak tidak berbuat apa-apa dari dirinya sendiri. Dia hanya melakukan apa yang Dia lihat Bapa lakukan. Secara khusus, Yesus mengatakan Dia memberi hidup.
7. TUHAN Bapa telah menyerahkan segala penghakiman kepada Anak.
8. Seseorang mesti mendengar apa yang dikatakan oleh Yesus dan percaya bahawa TUHAN telah mengutus Yesus.
9. Pertama, Yohanes Pembaptis memberi saksi tentang Yesus. Kedua, perbuatan-perbuatan Yesus memberi saksi bahawa Bapa telah mengutusnya. Ketiga, Bapa sendiri bersaksi bagi Yesus melalui Perjanjian Lama.
10. Jika mereka tidak percaya akan Taurat, mereka tidak dapat mempercayai apa yang Yesus katakan tentang dirinya.

Hari 3

1. Yesus memberi mereka kuasa untuk menghalau roh-roh jahat dan menyembuhkan semua penyakit.
2. Dia telah mengutus mereka kepada orang-orang Yahudi, tidak kepada bangsa bukan Yahudi atau orang Samaria. Dia menyuruh mereka berkhotbah, menyembuhkan, menyucikan orang kusta dan menghalau roh-roh jahat. Dia menyuruh mereka supaya jangan membawa apa-apa bersama; apa yang mereka perlukan akan disediakan.
3. Mereka harus mencari seorang yang layak dan jika mereka disambut secara damai, maka mereka harus menetap di sana.
4. Murid-murid Yesus disamakan seperti domba yang tak terlindung memasuki tempat yang mempunyai serigala. Perlindungan mereka ialah dengan bersikap bijak seperti ular dan tulus murni seperti burung merpati.
5. Jenis-jenis penganiayaan yang akan mereka hadapi termasuk ditangkap, disebat, dikhianati oleh ahli keluarga dan dibenci.

6. Menurut Yesus, perkara-perkara yang tidak perlu dikhuatiri atau ditakuti ialah:
 - apa yang harus dikatakan: Roh akan berkata-kata melalui mereka.
 - penganiaya-penganiaya mereka: Tuhan akan menyatakan hal-hal yang tersembunyi.
 - mereka yang membunuh tubuh: Tuhan akan membinasakan kedua-dua tubuh dan jiwa.
7. Seekor burung pun tidak dapat jatuh ke tanah selagi bukan kehendak Tuhan. Dia mengetahui segalanya tentang kita dan nilai kita melebihi banyak burung.
8. Yesus berjanji bahawa jika kita mengakuinya di depan manusia, maka Dia juga akan mengakui kita di depan Bapa. Tetapi jika kita tidak mengakuinya di depan manusia, maka Dia juga tidak akan mengakui kita di depan Bapa.
9. Pengorbanan paling besar dalam pemuridan ialah keluarga. Pertama, sesetengah keluarga akan berpecah akibat ada yang percaya dan ada yang tidak percaya pada Kristus. Kedua, ada pula yang mendapati terlalu sukar meninggalkan keluarga mereka untuk mengikuti Kristus.
10. Mereka yang menerima murid-murid Yesus akan mendapat pahala yang sama seperti murid-murid yang mereka sambut itu. Malah memberi secawan air juga akan diberi ganjaran.

Hari 4

1. Kebanyakan mukjizat Yesus dilakukan di kota-kota ini.
2. Orang ramai tidak bertaubat walaupun telah menyaksikan mukjizat-mukjizat hebat ini.
3. Tirus, Sidon dan Sodom tidak pernah melihat mukjizat-mukjizat sebegini. Korazin, Betsaida dan Kapernaum tidak mempunyai alasan tidak mempercayai.
4. Rahsia TUHAN tersembunyi daripada mereka yang bijak dan berpelajaran. Dalam lain perkataan, kebijaksanaan dan berpelajaran mungkin menyukarkan kita untuk mempelajari kebenaran TUHAN.
5. TUHAN menyatakan rahsiaNya kepada anak-anak kecil, mereka yang cukup rendah hati untuk belajar.
6. Anak mengenali TUHAN Bapa dan menyatakan Bapa kepada sesiapa yang dipilihNya.
7. Untuk mendapatkan rehat, seseorang mesti datang kepada Yesus, menjalin hubungan denganNya (memikul kukNya) dan belajar padaNya.
8. Menurut Yesus, bila perempuan berdosa tersebut membasuh kakiNya dengan air mata, mengeringkannya dengan rambut dan mengurapiNya dengan minyak wangi, dia menunjukkan betapa dia mengasihi Yesus. Dia telah menerima pengampunan yang besar.
9. Yesus mengatakan iman perempuan itu telah menyelamatkannya.
10. Dua belas orang muridNya, beberapa orang wanita yang telah dibebaskan roh jahat dan disembuhkan, Yohana, isteri Khuza, pegawai istana Herodes; Susana dan ramai lagi yang lain menyertai Yesus.

Hari 5

1. Yesus menyembuhkan seorang lelaki yang dirasuk roh jahat. Kini dia boleh melihat dan bercakap.
2. Orang-orang Farisi mengatakan bahawa Yesus boleh menghalau roh-roh jahat hanya kerana kuasa Beelzebul, ketua roh jahat.
3. Yesus mengatakan jika Dia menghalau roh-roh jahat dengan Roh TUHAN maka Kerajaan Tuhan sudah datang kepada mereka.
4. Yesus mengatakan penghinaan terhadap Roh Kudus tidak akan diampuni. (Nota: Jika anda ragu-ragu sama ada anda telah melakukan dosa ini, jangan khuatir. Selagi anda mengambil berat tentang hal ini bermakna Roh Kudus masih bekerja dalam hidup anda. Dia masih menerima anda.)
5. Yesus mengatakan apa yang kita simpan dalam hati itulah yang akan kita luahkan.
6. Orang-orang Farisi dan guru-guru Taurat mahu Yesus melakukan satu tanda mukjizat.
7. Yesus mengatakan Dia akan berada tiga hari dan tiga malam dalam bumi (mati).
8. Orang-orang Niniwe bertaubat setelah mendengar khutbah Yunus, tetapi orang ramai dalam generasi Yesus tidak mahu bertaubat bila mendengar khutbah Yesus.
9. Ratu dari Selatan (ratu dari Syeba) mengembara dari jauh untuk mendengar kebijaksanaan Salomo.
10. Yesus mengatakan sesiapa yang melakukan kehendak Tuhan adalah ibu dan saudara-saudaraNya.

kajian tambahan: minggu 5

Hari 1

16. Hari Sabat:

Hukum Sabat termasuk dalam Kesepuluh Firman- Kel. 20:8-11
Tuhan mengulas tentang rehat Sabat setiap minggu- Kel. 31 : 12-18
Berkat bagi mereka yang mentaati Sabat- Yes. 56 : 1-8
Mengangkut atau membawa barang-barang pada hari Sabat- Yer. 17: 19-27
Orang-orang Israel menolak Sabat- Yeh. 20: 12-21

Hari 3

17. Penganiayaan:

Diberkati mereka yang dianiaya- Mat. 5: 10
Doakan para penganiaya- Mat. 5: 44
Jika mereka menganiaya Yesus- Yoh. 15: 20
Bersabar- I Kor. 4: 12
Tidak ditinggalkan- II Kor. 4: 9
Semua yang hidup beribadat- II Tim. 3: 12
Tidak dapat dipisahkan daripada kasih Tuhan- Rom. 8: 35-39

Hari 4

18. Sodom dan Gomora:

Lot memilih Sodom- Kej. 13: 1-13
Abraham merayu bagi pihak Sodom- Kej. 18: 1-2, 16-33
Sodom dan Gomora dibinasakan- Kej. 19: 1-29

Hari 5

19. Kisah Nabi Yunus:

Yunus bab-bab 1-4

20. Kisah Ratu dari Selatan (Ratu negeri Syeba):

I Raj. 10: 1-13
II Taw. 9: 1-12